

Asean usah terburu-buru buka p

BH 26 NOV 2000

Daripada JAMHARIAH
JAAFAR

SINGAPURA: Asean tidak perlu terburu-buru dalam menerima pelbagai idea baru termasuk usaha membuka pasaran kepada dunia luar, sebaliknya negara anggota serantau itu perlu mengkaji kesan globalisasi dengan lebih serius, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.


Perdana Menteri berkata, krisis ekonomi yang melanda rantau ini perlu dijadikan pengajaran terutama dalam mewujudkan blok kumpulan kukuh bagi memastikan krisis sama dapat ditangani dengan lebih bijak sekiranya ia berulang.

"Negara Asean tanpa sebarang kumpulan yang mampu mempertahankan kepentingan, adalah lemah. Justeru, penting negara Asia Tenggara bersepakat membincangkan sebarang idea baru seperti globalisasi yang dikatakan baik untuk semua pihak termasuk negara membangun.

"Tapi kita mesti bertanya adakah itu benar, adakah globalisasi idea paling mengagumkan yang benar-benar akan menjadikan kita kaya, kerana yang berlaku sekarang, globalisasi bukan menjadikan kita lebih kaya, sebaliknya boleh menjadikan kita lebih miskin," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Jepun, Yoshiro Mori, di sini, hari ini.

Dr Mahathir bagaimanapun yakin usaha Asean mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Timur (EAFTA) tidak akan membayangi negara-negara kecil Asean, sebaliknya akan meningkatkan peranan pakatan itu dalam meningkatkan ekonomi ne-



22 - 25 NOVEMBER 2000
SINGAPURA

gara terbabit.

Bagaimanapun, beliau berkata, cadangan itu tidak mungkin dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat kerana ia perlu dikaji dengan teliti.

"Kita perlu mengenal pasti sebarang masalah yang mungkin timbul untuk memastikan usaha seumpama tidak akan memberi kesan kepada negara anggota Asean terutama yang kurang membangun," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Yoshiro Mori, Dr Mahathir berkata, Malaysia berharap negara itu akan turut menyertai idea membentuk arkitektur kewangan yang dicetuskan oleh Korea Selatan.

Dr Mahathir diberitahu kajian mengenai isu itu telah dilakukan oleh Kumpulan 7.

"Jepun berkata Kumpulan 7 telah mengadakan kajian dan

membuat beberapa cadangan tetapi kami berpendapat pandangan itu tidak cukup dan tidak memenuhi matlamat... kami mahu satu kajian arkitektur kewangan lebih sempurna terutama mengkaji sebab sebenar krisis kewangan yang melanda Asia baru-baru ini," katanya.

Menjawab soalan mengenai Perjanjian Timbal Balas Mata wang yang dipersetujui di Chiangmai, baru-baru ini, Dr Mahathir menegaskan majoriti anggota Asean tidak mahu langsung penyertaan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Majoriti negara anggota tidak begitu berminat dengan penyertaan IMF kerana IMF tidak membuat sebarang sumbangan dalam sebarang pertukaran dengan negara-negara Asia Tenggara," katanya.

Mengenai sumbangan Malaysia terhadap e-Asean, Dr Mahathir berkata, pihaknya akan mengkaji bantuan yang boleh diberikan berdasarkan pengalamannya dalam IT.

Mengenai pembinaan landasan kereta api Trans Asia dari Singapura ke Kunming, beliau berkata, walaupun projek itu tidak begitu berdaya maju, ia boleh menguntungkan dari segi pemilikan serta operasi laluan landasan.

"Negara seperti Kampuchea layak mendapat konsesi dan kos mungkin dapat dikurangkan dan menjadikan ia lebih berdaya maju," katanya.

Diminta mengulas mengenai perjalanan sidang kemuncak tidak rasmi kali keempat itu, Perdana Menteri berkata, mesyuarat kali ini lebih fokus.

"Saya benar-benar berpuas hati dengan mesyuarat kali ini dan kita akan pastikan akan ada tindakan susulan," katanya.